

21 NOV 1999

BN-Manifesto (Ekonomi)

42 KEJAYAAN EKONOMI DI BAWAH BN

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) berjaya membawa kemakmuran ekonomi kepada rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat sejak kemerdekaan 42 tahun lepas.

Kejayaan ekonomi Malaysia itu ditonjolkan dalam manifesto BN bertema "Malaysia Bebas, Sepadu dan Maju Bersama Barisan Nasional" yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Antara pencapaian yang ditonjolkan dalam manifesto 19 muka surat itu ialah Malaysia menikmati kadar pertumbuhan paling tinggi di kalangan negara-negara membangun iaitu 7 peratus setahun bagi tiga dekad dan memiliki infrastruktur yang boleh dibandingkan dengan negara-negara maju.

Manifesto itu juga menyatakan kemampuan negara bertahan daripada serangan penyanggak mata wang serta merumuskan dan melaksanakan dasar pengagihan kekayaan yang menguntungkan semua kaum.

Kerajaan yang memerintah juga merupakan pendorong utama dalam merumuskan pendekatan sendiri untuk menggalakkan pemulihan ekonomi sementara mengekalkan rizab asing yang terbesar, kata manifesto itu.

Negara juga dalam kedudukan ekonomi dan kewangan yang kukuh tanpa perlu bergantung kepada bantuan asing.

BN juga berjaya kerana masyarakat Bumiputera, yang pada satu ketika ketinggalan, kini dapat menyertai semua bidang perniagaan dan industri, kata manifesto itu.

Terima kasih kerana usaha-usaha pemulihan yang diambil oleh kerajaan, rizab Malaysia terus tumbuh dan sehingga 30 Okt lepas, rizab antarabangsa negara yang termasuk pertukaran emas dan asing dan yang lain termasuk SDRs (Hak Mengundi Khas) adalah sebanyak AS\$30 bilion (RM114.8 bilion).

Adalah dianggarkan yang rizab kasar antarabangsa akan mencapai RM125.5 bilion menjelang hujung tahun ini.

Apabila negara dilanda krisis ekonomi pada pertengahan 1997 dan Aliran Terus Pelaburan (FDI) terjejas, kerajaan dengan segera dapat mengembalikan kestabilan kepada sektor kewangan dan komersil dengan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

MTEN pula merumuskan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang menggariskan enam sektor utama sebagai keutamaan pertumbuhan. Hasil daripada itu, ekonomi dapat dihidupkan semula dengan pinjaman lebih murah, kadar faedah rendah dan garis panduan pinjaman yang fleksibel.

Ramalan Perbendaharaan baru-baru ini menunjukkan yang ekonomi negara diramalkan tumbuh 4.3 peratus tahun ini dan lima peratus tahun depan selepas menguncup 7.5 peratus tahun lepas dan ini mengesahkan yang Malaysia telah keluar daripada kegawatan.

Bukan seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan yang terpaksa mencari bantuan kewangan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Malaysia mencari jalan keluarnya sendiri.

Kawalan modal terpilih yang dikenakan telah membantu Malaysia melindungi diri daripada penyanggak mata wang dan penetapan nilai ringgit pada kadar RM3.80 kepada setiap Dolar Amerika serta kawalan aliran keluar ringgit membantu menstabilkan ekonomi.

Kesemuanya, adalah kerana keazaman dan iltizam BN dan negara kini menikmati kedudukan ekonomi dan kewangan yang kukuh tanpa bantuan asing.

-- BERNAMA

RIZ PR

